A

PP lwn. OOI WEI YHEE & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KANGAR
ABU BAKAR KATAR PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42LB-12-04-2014,
42LB-13-04-2014, 42LB-14-04-2014 & 42LB-15-04-2014]
B 16 APRIL 2015

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 – Seksyen 12 – Intipati kesalahan 'bagi maksud eksploitasi kerja paksa' – Sama ada bentuk eksploitasi diperincikan dalam*
C *pertuduhan – Sama ada tertuduh melakukan 'kerja paksa' atas mangsa – Sama ada 'kerja paksa' bagi maksud s. 2 dibuktikan*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap pembebasan dan pelepasan – Penyeludupan manusia – Unsur 'kerja paksa' – Sama ada elemen-elemen*
D *kesalahan dibuktikan – Sama ada terdapat paksaan – Sama ada hakim bicara tersalah arah berkaitan elemen kesalahan*

PERKATAAN & ISTILAH: *'Kerja paksa' – Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, s. 2 – Maksud dan pengertian – Kegagalan Parlimen memberi takrifan – Mahkamah memberi takrifan sebagaimana dalam*
E *Kamus Bahasa – Sama ada pendakwaan membuktikan kekasaran atau kerja paksa*

Kedua-dua perayu dipertuduh di Mahkamah Sesyen dengan 15 pertuduhan di bawah s. 12 Akta Antipermerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 ('Akta') dan dibicara bersekali. Kedua-dua perayu tidak mengaku salah atas kesemua pertuduhan. Di akhir perbicaraan, Hakim
F Mahkamah Sesyen ('HMS') memutuskan pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* atas kesemua pertuduhan dan memerintahkan perayu dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri. Tidak berpuas hati, pihak pendakwaan merayu terhadap keputusan Mahkamah Sesyen. Oleh itu, rayuan ini. Alasan-alasan yang dikemukakan
G pihak pendakwaan semasa rayuan adalah, antara lain, kekhilafan HMS dalam (i) membuktikan intipati kesalahan di bawah s. 12 Akta; dan (ii) menimbangkan keterangan yang membuktikan kewujudan 'kerja paksa'.

Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen):

H

(1) Pertuduhan yang dirangka oleh pihak pendakwaan melibatkan memperdagangkan mangsa 'bagi maksud eksploitasi kerja paksa'. Parlimen, semasa menggubal perundangan ini tidak memberikan takrifan kepada perkataan 'forced labour' dan menyerahkan kepada mahkamah untuk memberi tafsiran mengikut perkataan yang lazim
I sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kamus Bahasa. Oleh itu, pendakwaan perlu membuktikan bahawa kedua-dua responden telah melakukan eksploitasi 'kerja paksa' ke atas SP1 hingga SP15 yang menjadi hal perkara di bawah s. 12 Akta. (perenggan 15 & 24)

(2) Pihak pendakwaan gagal membuktikan 'kerja paksa' bagi maksud s. 2 Akta yang menunjukkan responden pertama dan kedua melakukan kekasaran atau paksaan pada SP1 dan SP15. Hujahan pihak pendakwaan, yang menegaskan mangsa tidak menerima gaji bulanan sebagaimana yang dijanjikan dan waktu bekerja yang tidak dipersetujui, bertentangan dengan keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan. Apa-apa tunggakan gaji, sekiranya ada sekalipun, tidak termasuk dalam takrifan 'kerja paksa'. Keterangan SP19, penjaga premis, yang membincangkan situasi tempat tinggal dan pergerakan SP1 hingga SP15 menyangkal kewujudan 'kerja paksa'. Oleh itu, pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* atas pertuduhan di bawah s. 12 Akta. Keterangan SP1 hingga SP15 tidak membantu kes pendakwaan untuk membuktikan 'kerja paksa' bagi maksud eksploitasi menurut s. 2 Akta. (perenggan 25, 26, 27, 29 & 31)

Kes-kes yang dirujuk:
Alandu Santhanasamy v. PP [2013] 1 LNS 1019 CA ***(dirujuk)***
Kuruma v. The Queen [1955] AC 197 (PC) ***(dirujuk)***
Siti Rashidah Razali & Yang Lain lwn. PP [2011] 9 CLJ 459 HC ***(dirujuk)***
Subramaniam Ramachandran v. PP [2012] 1 LNS 1031 HC ***(dirujuk)***
Wong Liang Nguk (F) v. PP [1953] 1 LNS 121 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007, ss. 2, 12
Employment Act 1955, s. 69

The Anti-Trafficking in Persons Act BE 2551 (2008) [Thai], s. 4

Sumber-sumber yang dirujuk:
Anandan Krishnan, *Words, Phrases & Maxims [Legally & Judicially Defined]*, vol 7, p 366

Bagi pihak pendakwaan - Badius Zaman Ahmad; TPR
Bagi pihak responden-responden - Ravi Shankar Gandhi; T/n R Shankar Ghani & Assocs

[Rayuan dari Mahkamah Sesyen, Kangar; Kes Tangkap No: 62-26-05-2013 hingga 62-40-05-2013, 62-41-05-2013 hingga 62-55-05-2013, 62-56-05-2013 & 62-63-05-2013, 62-64-05-2013 hingga 62-71-05-2013]

Dilaporkan oleh Siti Hazwani Hanim Ramli

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar PK:

[1] Ooi Wei Yhee (responden pertama) telah dituduh di Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis atas 15 pertuduhan (ms (20) hingga (49)) rekod rayuan (RR) Jilid I) di bawah s. 12 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta itu) (Kes Tangkap No: 62-26-05-2013 hingga 62-40-05-2013).

[2] Ooi Thian Hock (responden kedua) telah dituduh di mahkamah yang sama atas 15 pertuduhan yang sama (ms (50) hingga (79) RR Jilid I] di bawah Akta itu (Kes Tangkap No: 62-41-05-2013 hingga 62-79-05-2013).

[3] Pihak pendakwaan telah memohon kedua-dua kes dibicarakan secara bersama dan setelah meneliti nota keterangan, nampaknya pihak-pihak telah menzahirkan persetujuannya berkaitan perkara ini.

[4] Responden pertama dan responden kedua tidak mengaku bersalah atas kesemua pertuduhan. Perbicaraan penuh telah dijalankan di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis (HMS itu). Di akhir perbicaraan, HMS itu telah memutuskan pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* atas kesemua pertuduhan dan memerintahkan responden pertama dan responden kedua dilepas dan dibebaskan daripada kesemua pertuduhan tanpa dipanggil untuk membela dirinya.

[5] Pendakwaan yang terkilan dengan keputusan HMS itu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi, Malaya, Kangar (ms. (1) hingga (5) RR Jilid I). Mahkamah ini pada 16 April 2015 telah menolak rayuan oleh pendakwaan dan mengekalkan keputusan HMS itu. Pendakwaan yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia.

[6] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit rayuan oleh pendakwaan, eloklah dirujuk nas duluan yang menggariskan prinsip-prinsip bagi mahkamah ini mencampuri atau mengganggu pendapat atau keputusan mahkamah bicara di peringkat rayuan. Mahkamah ini berkongsi pandangan dengan YA Hamid Sultan bin Abu Backer HMR dalam kes Mahkamah Rayuan, Rayuan Jenayah No: K-05-334-12/2011, *Alandu Santhanasamy v. PP* [2013] 1 LNS 1019 iaitu:

> It is well settled that it is in the hands of the trier of facts to assess the quality of evidence and to determine whether the evidence on record justifies a conviction. *In so doing if the court orders an acquittal or conviction it cannot be set-aside by the appellate court unless it records a finding that the view taken by the trial court was not a possible reasonable view of the evidence on record.* (See *Pramod Mandal v. State of Bihar (SC)* [2004] 4 LRI 24; *PP v. Thenegaran all Murugan* [2013] 5 CLJ 850; [2013] 3 MLJ 328].
>
> (penekanan ditambah)

[7] Berbekalkan prinsip-prinsip yang dinyatakan di atas, mahkamah ini akan meneliti alasan penghakiman Tuan HMS itu (ms. (326) hingga (368) RR Jilid 2) bagi menentukan sama ada rayuan perayu mempunyai merit atau sebaliknya. Mahkamah ini telah meneliti petisyen rayuan (ms (9) hingga (19) RR Jilid 2) dan penghujahan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang terpelajar nampaknya beliau mendasarkan rayuannya atas alasan-alasan seperti berikut:

(a) HMS itu khilaf atau gagal menimbangkan keterangan SP1 hingga SP15 membuktikan intipati kesalahan di bawah s. 12 Akta itu;

(b) HMS itu gagal menimbangkan keterangan SP20 yang membuktikan wujudnya "kerja paksa";

(c) HMS itu gagal menimbangkan keterangan SP17 di mana penjaga premis (SP19) mengambil masa yang lama untuk membuka pintu menunjukkan responden pertama dan responden kedua melakukan kesalahan;

(d) HMS itu telah terkhilaf apabila menolak keterangan SP24 yang cuba mengemukakan 11 keping gambar warganegara Indonesia; dan

(e) HMS itu terkhilaf apabila menolak keterangan SP23 yang dikatakan merakam percakapan empat warganegara Indonesia yang melibatkan tuntutan gaji yang tidak dibayar oleh majikannya.

Bagi isu (a)

[8] Mahkamah ini berpendapat sebelum menyentuh isu (a) ini, eloklah diperturunkan peruntukan s. 12 Akta itu yang menjadi asas pertuduhan terhadap responden pertama dan responden kedua yang berbunyi seperti berikut:

> 12. Offence of trafficking in persons
>
> Any person, who traffics in persons not being a child, for the purpose of exploitation, commits an offence and shall, on conviction, be punished with imprisonment for a term not exceeding fifteen years, and shall also be liable to fine.

[9] Mahkamah ini merujuk kes *Subramaniam Ramachandran v. PP* [2012] 1 LNS 1031; [2012] 10 MLJ 795 di mana YA Ahmad Nasfy PK (pada ketika itu) telah menggariskan intipati bagi kesalahan di bawah s. 12 Akta itu di mana ianya perlu dibuktikan oleh pendakwaan iaitu:

(a) responden pertama dan responden kedua telah memperdagangkan penama-penama yang dinyatakan dalam pertuduhan;

(b) penama-penama tersebut bukan kanak-kanak; dan

(c) responden pertama dan responden kedua telah memperdagangkan penama-penama tersebut bagi maksud eksploitasi sepertimana ditakrifkan di bawah s. 2 Akta itu.

[10] TPR yang terpelajar telah menghujahkan HMS itu telah terkhilaf apabila gagal menimbangkan keterangan SP1 hingga SP15 membuktikan intipati kesalahan di bawah s. 12 Akta itu. TPR yang bijaksana menghujahkan keterangan saksi-saksi tersebut menunjukkan mereka adalah "mangsa" atau "orang yang diperdagangkan". Responden pertama dan responden kedua telah mengeksploitasikan mereka dalam menjalankan perkhidmatan cuci rumah. TPR yang terpelajar selanjutnya menghujahkan keterangan mangsa SP1 hingga SP15 memenuhi takrifan s. 2 eksploitasi. Mangsa tidak bersetuju dengan waktu bekerja yang ditetapkan oleh responden pertama ianya tidak sama seperti yang dijanjikan semasa berada di Indonesia.

[11] TPR yang terpelajar juga menghujahkan terdapat keterangan mangsa yang menyatakan tidak menerima gaji bulanan sepertimana yang dijanjikan ketika berada di Indonesia. Pendakwaan menghujahkan keterangan SP1 hingga SP15 membuktikan responden pertama dan responden kedua memaksa mereka bekerja.

[12] TPR yang terpelajar selanjutnya menghujahkan responden pertama dan responden kedua telah menyalahgunakan proses undang-undang di mana terdapat mangsa yang tidak mempunyai permit kerja telah diarahkan untuk bekerja. Ada empat orang mangsa yang mempunyai permit kerja dengan syarikat responden kedua tetapi alamatnya bukan di Negeri Perlis sebagaimana yang tercatat dalam permit kerja.

[13] TPR yang terpelajar turut menghujahkan responden pertama dan responden kedua gagal mematuhi undang-undang Imigresen dalam mendapatkan dan menggunakan perkhidmatan pekerja asing. Dihujahkan tindakan ini terjumlah kepada "bentuk paksaan".

[14] Sebaliknya peguam responden pertama dan responden kedua yang terpelajar menghujahkan HMS itu bertindak secara betul apabila memutuskan pendakwaan gagal membuktikan eksploitasi kerja terhadap SP1 hingga SP15.

Pendapat Mahkamah ini

[15] Mahkamah ini telah meneliti pertuduhan yang dirangka oleh pendakwaan terhadap responden pertama dan responden kedua yang melibatkan memperdagangkan mangsa "bagi maksud eksploitasi kerja paksa". (Mahkamah ini bersetuju dengan pendakwaan apabila merangka pertuduhan melibatkan s. 12 Akta itu memperincikan apakah bentuk eksploitasi yang dikatakan telah dilakukan oleh responden pertama dan responden kedua) mahkamah ini bersetuju dan dalam nada yang sama dalam isu ini sebagaimana yang disarankan oleh YA Azman Abdullah H dalam kes *Siti Rashidah Razali & Yang Lain lwn. PP* [2011] 9 CLJ 459 seperti berikut:

> [24] Bagi tujuan kefahaman kepada pertuduhan di bawah s. 12, 13 dan 14 Akta ini, adalah dinasihatkan untuk pihak pendakwaan di masa akan datang memasukkan di dalam pertuduhan apakah aktiviti 'ekploitasi' yang dimaksudkan sama ada eksploitasi seks seperti pelacuran, abdi, buruh paksa atau kegiatan haram. Oleh kerana s. 2, memberi maksud 'eksploitasi' itu lebih dari satu kegiatan maka perlu dinyatakan dalam pertuduhan, eksploitasi seks atau buruh paksa atau perhambaan atau pengabdian atau aktiviti haram atau pemindahan organ. Dengan sifat pertuduhan secara spesifik begini ianya lebih menepati kehendak ss. 12, 13 atau 14 Akta ini.

[16] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar s. 2 Akta itu telah pun memberikan takrifan "exploitation" sebagaimana berikut:

> "exploitation" means all forms of sexual exploitation, forced labour or services, slavery or practices similar to slavery, servitude, any illegal activity or the removal of human organs;

[17] Mahkamah ini berpendapat pendakwaan perlu membuktikan responden pertama dan responden kedua telah melakukan "kerja paksa" ke atas SP1 hingga SP15 bagi kesalahan di bawah s. 12 Akta itu.

[18] Mahkamah ini telah meneliti penghakiman HMS itu di mana beliau telah merumuskan keterangan SP1 hingga SP15 sebagaimana di ms. (352) hingga (358) RR Jilid 2. Mahkamah ini tidak berhasrat untuk mengulanginya dan memadai untuk merujuk rumusan yang dibuat oleh HMS itu berkaitan keterangan mangsa-mangsa di ms. (358) RR Jilid 2 yang menyatakan:

i. Mereka bersetuju bahawa potongan gaji dibuat kerana ejen di Indonesia telah membelanjakan wang ke atas mereka untuk tujuan mereka datang ke Malaysia;

ii. Gaji RM400.00 diberikan kepada mereka dan baki disimpan oleh OKT2;

iii. Mereka tidak sempat mendapat duit yang disimpan oleh OKT2 akibat serbuan yang dibuat oleh Imigresen;

iv. OKT2 pernah menghantar wang mereka kepada keluarga masing-masing melalui proses perbankan "Western Union";

v. Mereka diberikan cuti bekerja satu hari dalam seminggu;

vi. Makanan mereka mencukupi dan diberi sarapan pagi oleh "untie";

vii. Keadaan tempat tidur adalah selesa;

viii. Mereka dibenarkan keluar pada waktu malam untuk membeli makanan dan barang-barang keperluan;

ix. Mereka dibenarkan menghubungi keluarga melalui telefon;

x. Mereka tidak mempunyai apa-apa masalah dengan kedua-dua tertuduh;

xi. Layanan daripada OKT2 adalah baik;

xii. Mereka tidak diberitahu oleh pihak Imigresen mengapa mereka ditahan;

xiii. Mereka tidak pernah dituduh di mana-mana Mahkamah di Malaysia atas apa-apa kesalahan Imigresen.

[19] Mahkamah ini telah meneliti peruntukan Akta itu dan nampaknya perkataan "forced labour" tidak diberi takrifan. Sehubungan itu, mahkamah ini berpendapat "forced labour" perlulah ditakrifkan mengikut rujukan kamus biasa. Mahkamah ini merujuk "Macmillan Dictionary" telah memberi takrifan sebagai "... had physical work that someone is forced to do".

[20] Mengikut laman sesawang https://en.wiktionary.org/wiki/ telah memberi takrifan sebagai "Work which one is compelled to perform against one's will, especially in a condition of involuntary servitude as a prisoner or slave".

[21] Mahkamah ini juga merujuk "*Words, Phrases & Maxims*" (Legally & Judicially Defined) oleh Anandan Krishnan vol. 7 di ms. 366 yang memetik:

> Any factor which deprives a person of a choice of alternatives sand compels him to adopt one particular course of action may properly be regarded as 'force' and if labour or service is compelled as a result of such 'force' it would be 'forced labour'.
>
> *People's Union for Democratics Rights v. Union of India AIR 1982 SC 1473 AIR 1982 SC 1490* [Constitution of India Art 23]

[22] Mahkamah ini berkesempatan meninjau perundangan negara jiran Malaysia iaitu Thailand atau juga dikenali sebagai negara Gajah Putih melibatkan "The Anti-Trafficking in Persons Act BE 2551 (2008) Thailand" di mana dalam perundangan tersebut telah memberi takrifan dalam s. 4 "forced labour or service" sebagaimana berikut:

> "Forced labour or service" means compelling the other person to work or provide service by putting such person in fear of injury to life, body, liberty, reputation or property, of such person or another person, by means of intimidation, use of force, or any other means causing such person to be in a state of being unable to resist.

[23] Sebagai perbandingan, mahkamah ini merujuk ILO Convention 29 di mana ianya telah memberi takrifan sebagaimana berikut:

> all work or service which is exacted from any person under the menace of any penalty and for which the said person has not offered himself voluntarily.

[24] Berbalik kepada perundangan di Malaysia khasnya Akta itu, Parlimen semasa menggubal perundangan ini tidak memberikan takrifan kepada perkataan "forced labour" dan menyerahkan kepada mahkamah ini memberikan tafsiran mengikut perkataan yang lazim sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kamus Bahasa. Mahkamah ini berpendapat pendakwaan perlu membuktikan responden pertama dan responden kedua telah melakukan eksploitasi kerja paksa ke atas SP1 hingga SP15 yang menjadi hal perkara pertuduhan di bawah s. 12 Akta itu.

[25] Mahkamah ini bersetuju dengan HMS itu dan peguam responden pertama dan responden kedua yang terpelajar iaitu pendakwaan gagal membuktikan "kerja paksa" bagi maksud s. 2 Akta itu. Mahkamah ini bersetuju keterangan yang dirumuskan oleh HMS itu menunjukkan pendakwaan gagal membuktikan responden pertama dan responden kedua ada melakukan kekasaran atau paksaan ke atas SP1 hingga SP15. Mahkamah ini berpendapat hujahan TPR yang terpelajar menyatakan responden pertama dan responden kedua gagal mematuhi peruntukan undang-undang Imigresen ianya tersasar daripada pertuduhan yang dirangka sendiri oleh pendakwaan. Mahkamah ini berpendapat hujahan TPR yang terpelajar yang menegaskan mangsa tidak menerima gaji bulanan sebagaimana yang dijanjikan dan waktu

bekerja yang tidak dipersetujui ianya bertentangan dengan keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan. HMS itu dalam penghakimannya telah merumuskan pembayaran gaji telah dibuat oleh responden pertama dan responden kedua. Pendakwaan juga gagal membuktikan dakwaan waktu bekerja yang dipersetujui gagal dipatuhi. Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan YA Azman Abdullah H dalam kes *Siti Rashidah Razali* (*supra*) yang memberikan pengamatan berkaitan maksud "eksploitasi" bagi maksud s. 12 Akta itu sebagaimana berikut:

> [8] Ternyata maksud 'eksploitasi' yang digariskan di atas kesemuanya berbentuk paksaan, kekerasan dan penindasan. Intipati pembuktian di dalam ss. 12 dan 14 Akta ini bukan merujuk kepada melindungi Pendatang Tanpa Izin (PATI) tetapi merujuk kepada jenis-jenis pekerjaan yang dipaksa dilakukan ke atas mangsa-mangsa terdiri dari orang yang diperdagangkan yang dikategorikan kepada orang dewasa (s. 12) dan kanak-kanak (s. 14).

[26] Mahkamah ini juga turut menimbangkan tempat tinggal dan pergerakan SP1 hingga SP25 sebagaimana yang dinyatakan oleh SP19 (ms. (273) RR Jilid 2) semasa pemeriksaan balas oleh peguam responden pertama dan responden kedua yang terpelajar secara jelas menyatakan:

> Q: Adakah tempat tinggal pekerja-pekerja Indonesia itu selesa?
>
> A: Selesa; ada tilam dan bantal.
>
> Q: Pekerja-pekerja Indonesia itu diberi makan dan dibenarkan keluar mana-mana hari. Duit gaji mereka juga dihantar oleh tauke kepada ibu bapa di Indonesia?
>
> A: Ya.

[27] Mahkamah ini telah meneliti nota keterangan, TPR yang terpelajar yang mengendalikan kes ini tidak melakukan apa-apa pemeriksaan semula atas SP19 ini. Mahkamah ini berpendapat keterangan ini jelas menyangkal wujudnya "kerja paksa" yang menjadi teras pertuduhan di bawah s. 12 Akta itu.

[28] Mahkamah ini juga mengambil kira gambar (P3 G, H dan I) yang menunjukkan keadaan bilik dan terdapat tilam dan bantal-bantal.

[29] Mahkamah ini bersetuju dengan penghakiman HMS itu apabila memutuskan pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* atas pertuduhan di bawah s. 12 Akta itu. Keterangan SP1 hingga SP15 ianya tidak membantu kes pendakwaan bagi membuktikan "kerja paksa" bagi maksud eksploitasi s. 2 Akta itu.

Bagi isu (b):

[30] TPR yang terpelajar menghujahkan HMS itu gagal menimbangkan keterangan SP20 yang membuktikan wujudnya "kerja paksa". Pendakwaan telah memanggil Mohamad Yusof bin Abd Hamid (SP20) iaitu Penolong

Pengarah Jabatan Tenaga Kerja, Perlis untuk memberi keterangan. Mahkamah ini telah meneliti keterangan SP20 ianya lebih menjurus kepada dakwaan responden kedua gagal membayar gaji kepada lima warga Indonesia yang menjadi hal perkara pertuduhan. Mahkamah ini telah menimbangkan SP20 hanya dipohon mengambil rakaman percakapan pada 28 Mei 2013. Sebaliknya, perbicaraan telah pun dimulakan pada 21 Mei 2013 (ms. (140) RR Jilid I). Mahkamah ini juga telah menimbangkan SP20 tidak mencatatkan apa yang dibincangkan dalam mana-mana buku terutamanya D119. Mahkamah ini juga menimbangkan JTK Perlis juga tidak mengambil sebarang tindakan di Mahkamah Buruh yang melibatkan dakwaan gaji yang tidak dibayar. Begitu juga JTK Selangor telah memulakan tindakan terhadap Syarikat In Touch Cleaning Solution Sdn Bhd yang melibatkan "Nenih Nurhaeni & 3 orang lain" (No Kes Buruh: KBR 11001/2014/0042) (D121) berjumlah RM32,200.

[31] Mahkamah ini berpendapat SP20 tidak menyatakan siapakah warga Indonesia yang telah dirakam percakapannya dan keterangan SP20 ianya tidak membantu kes pendakwaan. Mahkamah ini juga berpendapat sebarang bayaran tunggakan gaji sekiranya ada sekalipun ianya tidak termasuk dalam takrifan "kerja paksa". Mangsa masih boleh menuntut di JTK yang berkaitan sekiranya melibatkan isu gaji di bawah s. 69 Akta Kerja 1955.

Bagi isu (c)

[32] TPR yang terpelajar telah menghujahkan HMS itu gagal menimbangkan keterangan SP17 di mana penjaga premis (SP19) mengambil masa yang lama untuk membuka pintu menunjukkan responden pertama dan responden kedua melakukan kesalahan.

[33] Mahkamah ini telah menimbangkan keterangan Mohd Fauzi bin Lebai Karim (SP17) yang mengetuai sepasukan pegawai Imigresen pada 25 Mac 2013 telah ke premis In Touch Solution Sdn Bhd di No. 34, Tingkat 1, Jalan Jubli Perak, Kangar, Perlis. SP17 telah mengetuk pintu dan SP19 enggan membukanya. SP17 kemudiannya mengarahkan PI Mohd Haris membuka pintu dengan menggunakan sebatang besi pengumpil dan pintu berjaya dibuka.

[34] TPR yang terpelajar menghujahkan tindakan SP19 yang mengambil masa yang lama untuk membuka pintu menunjukkan suatu kesalahan. Mahkamah ini berpendapat sebarang tindakan yang dilakukan oleh SP19 ianya bukannya secara automatik menunjukkan responden pertama dan responden kedua bersalah. Mahkamah ini telah meneliti keterangan SP19, ketika SP17 dan pasukannya sampai di premis, responden kedua tidak berada di dalam premis berkenaan. Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar, kelewatan SP19 membuka pintu boleh dikaitkan dengan tindak-tanduk responden pertama atau responden kedua. Mahkamah ini juga berpendapat kelewatan membuka pintu ianya sama sekali tidak dapat dikaitkan dengan "kerja paksa" bagi maksud s. 12 Akta itu.

Bagi Isu (d)

[35] TPR yang terpelajar telah menghujahkan HMS itu telah terkhilaf apabila menolak keterangan SP24 yang cuba mengemukakan 11 keping gambar warganegara Indonesia. Mahkamah ini telah meneliti keterangan Mahyuddin bin Satar (SP24) di mana beliau menyertai serbuan yang dilakukan di premis di mana ditemui SP1 hingga SP15. SP24 telah mengambil 30 keping gambar sebelum siasatan bermula. Pembelaan telah membantah percubaan pendakwaan untuk mengemukakan 30 keping gambar. HMS itu telah membenarkan bantahan pihak pembelaan atas alasan gambar-gambar yang diambil sebelum siasatan bermula memprejudiskan responden pertama dan responden kedua.

[36] Mahkamah ini telah meneliti penghakiman oleh HMS itu, nampaknya beliau tidak menyentuh isu ini di dalam penghakimannya. Mahkamah ini berpendapat pendakwaan boleh mengemukakan gambar-gambar yang telah diambil oleh SP24 walaupun siasatan belum dimulakan. Mahkamah ini berpendapat HMS itu telah terkhilaf apabila menerima bantahan yang dikemukakan oleh peguam responden pertama dan responden kedua yang terpelajar dalam isu ini. Mahkamah ini berpendapat keterangan ini boleh diterima walaupun ianya menyalahi undang-undang. Mahkamah ini merujuk kes tersohor dalam menggarap isu ini iaitu kes *Kuruma v. The Queen* [1955] AC 197 (PC) di mana Lord Goddard menzahirkan dalam bahasa asalnya seperti berikut:

> the test to be applied in considering whether evidence is admissible is whether it is relevant to the matters in issue. If it is, it is admissible and the court is not concerned with how the evidence was obtained.

[37] Mahkamah ini juga merujuk kes *Wong Liang Nguk (F) v. PP* [1953] 1 LNS 121; [1953] MLJ 246 di mana Thomson J (pada ketika itu) berpendapat:

> … the fact that evidence is unlawfully obtained does not affect its admissibility (See Taylor on *Evidence* 11th Edition para. 922). If the police officer in this case had no authority to search then no doubt he would have been open to some sort of civil action but the question of his authority to search is completely irrelevant to the admissibility in evidence of his statement of what he found in the course of his search. That, I think, is abundantly clear as a matter of general principle and in particular relation to this type of case it was accepted as so long ago as 1936 by Aitken J in the case of *Saminathan v. Public Prosecutor*.

[38] Mahkamah ini berpendapat sekiranya gambar-gambar ini diterima sebagai barang kes pendakwaan sekalipun ianya tidak banyak membantu kes pendakwaan untuk membuktikan "kerja paksa" bagi maksud kesalahan di bawah s. 12 Akta itu. Mahkamah ini berpendapat walaupun HMS itu terkhilaf dalam aspek ini ianya tidak membawa apa-apa kemudaratan kepada kes pendakwaan.

A **Bagi Isu (e)**

[39] TPR yang terpelajar telah menghujahkan HMS itu terkhilaf apabila menolak keterangan SP23 yang dikatakan merakam percakapan empat warganegara Indonesia yang melibatkan tuntutan gaji yang tidak dibayar oleh majikannya.

B

[40] Mahkamah ini telah meneliti nota keterangan yang diberikan oleh Ismam bin Bahran (SP23), Pegawai Kanan Jabatan Tenaga Kerja Selangor yang dikatakan merakam percakapan empat warganegara Indonesia yang mengadu majikannya tidak membayar gajinya.

C **[41]** Mahkamah ini berpendapat HMS itu bertindak secara betul apabila tidak membenarkan pendakwaan mengemukakan rakaman percakapan mangsa berkenaan kerana ketika SP23 mengambil percakapan, semua mangsa telah selesai memberi keterangan di Mahkamah Sesyen, Kangar dan mereka tidak ada membangkitkan masalah pembayaran gaji. Di peringkat
D ini, pembelaan tidak berpeluang untuk menyoal-balas mangsa-mangsa kerana mereka tidak dapat dikemukakan di mahkamah.

[42] Mahkamah ini juga tidak dapat mengetahui SP23 mengambil percakapan mangsa di bawah peruntukan mana di bawah Akta itu. Pendakwaan semasa melakukan pemeriksaan utama ke atas SP23 tidak
E "elicit" di bawah peruntukan mana Akta itu beliau bertindak dan sama ada SP23 dibenarkan oleh undang-undang untuk berbuat sedemikian.

[43] Mahkamah ini telah mengambil kira ketika SP23 merakam percakapan mangsa, siasatan telah selesai dijalankan di mana responden pertama dan responden kedua telah pun dituduh di mahkamah. Keadaan
F bertambah parah apabila perbicaraan telah pun bermula dan di saat ini barulah SP23 mengambil rakaman percakapan berkaitan gaji yang mungkin pendakwaan terdesak untuk menyokong kesnya yang agak goyah.

[44] Kesimpulannya, berdasarkan alasan-alasan yang dihuraikan di atas mahkamah ini mengekalkan keputusan HMS itu yang memutuskan
G pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* atas responden pertama dan responden kedua tanpa dipanggil untuk membela dirinya.

H

I